

**Turut diadakan
Majlis Raikan Raya
bersama Tun Dr Mahathir
di Menara Kuala Lumpur**

Oleh MOHD FAIZUL HAIKA
MAT KHAZI
SHAH ALAM

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan seluruh anggota Kabinet Kerajaan Madani dijemput menghadiri Majlis Pembukaan Kapsul Masa Wawasan 2020 dan Majlis Raikan Raya bersama Tun Dr Mahathir Mohamad di Menara Kuala Lumpur, pada Ahad.

Pengarah Urusan Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd (MKLSB), Datuk Abdul Hamid Shaikh Abdul Razak Shaikh berkata, jemputan berkenaan turut dipanjangkan kepada semua warga kementerian, agensi kerajaan serta kedutaan asing di Malaysia.

Menurutnya, MKLSB turut menjemput dewan perniagaan yang mewakili pelbagai kaum serta semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Majlis Ahad ini dijangka akan dihadiri oleh pelbagai lapisan masyarakat

PM dijemput ke pembukaan Kapsul Nasa Wawasan 2020

daripada pelbagai latar belakang bagi meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri dan menyaksikan detik bersejarah yang telah dinanti hampir tiga dekad.

"Seluruh warga kerja MKLSB, sama ada yang masih berkhidmat atau bersara, turut menzahirkan rasa teruja untuk mengetahui kandungan Kapsul Masa Wawasan 2020 yang bakal dibuka pada majlis tersebut," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Menurutnya, daripada lima kapsul masa yang telah ditanam, hanya satu kapsul akan dibuka pada tahun ini.

"Pembukaan ini merupakan yang pertama kali dilaksanakan sejak penanaman kapsul tersebut, meskipun negara telah melalui beberapa pentadbiran Perdana Menteri selepas Dr Mahathir.

"Malah, semasa Dr Mahathir menjawat jawatan Perdana Menteri kali kedua, kap-



MKLSB turut menjemput dewan perniagaan yang mewakili pelbagai kaum serta semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO)."

- Abdul Hamid

sul ini tidak sempat dibuka," katanya.

Sementara itu, bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dijangka akan turut hadir.

Abdul Hamid berkata, pada hari tersebut, semua fasiliti di Menara Kuala Lumpur akan beroperasi seperti biasa dan terbuka kepada semua pelawat sama ada pengunjung tempatan mahu pun luar negara.



Kapsul Masa Wawasan 2020 yang ditanam lebih 30 tahun di Menara Kuala Lumpur dibuka pada Ahad.